



Fail: (36) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.38

Tarih: 30 Januari 2012

Ketua Pengarang,

New Straits Times

Akhbar : **New Straits Times**
Tarikh : **9 Januari 2012**
Subjek : **Go Back To Basics**

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) khususnya Jabatan Kerajaan Tempatan(JKT) melalui Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) ingin merakamkan penghargaan kepada ADUN Subang Jaya Y.B. Puan Hannah Yeoh di atas keprihatinan beliau terhadap permasalahan yang timbul di kawasan Subang Jaya.

Berhubung isu kerosakan jalan, adalah dimaklumkan pihak Majlis sememangnya telah mengenalpasti permasalahan tersebut sejak bulan Disember 2011 yang lalu di mana perlantikan kontraktor telah dibuat dan arahan kerja juga telah dikeluarkan pada 8 Disember 2011 yang lalu. Kerja-kerja pembaikan jalan tersebut telah disiapkan pada 21 Disember 2011 yang lalu. Walaubagaimanapun, ingin dimaklumkan bahawa terdapat juga aduan jalan rosak tersebut merupakan bidang kuasa pihak Jabatan Kerja Raya (JKR), namun atas dasar keselamatan pengguna jalan raya, pihak Majlis telah mengambil sikap positif dengan melaksanakan kerja-kerja pembaikan jalan rosak tersebut.

Berhubung isu kutipan sampah yang tidak mengikut jadual, pihak MPSJ sememangnya memberi fokus dan perhatian terhadap perkhidmatan kutipan sampah semenjak penarikan diri AlamFlora Sdn Bhd daripada perkhidmatan kutipan sampah. Memandangkan MPSJ baru mengambil alih perkhidmatan tersebut dari Alam Flora Sdn Bhd , MPSJ mengakui terdapat kontraktor yang tidak memberi

perkhidmatan yang memuaskan sejak Ogos 2011. Justeru, pemantauan berterusan oleh pegawai dan kakitangan MPSJ telah dilaksanakan terhadap kontraktor yang dilantik dan pihak Majlis memerlukan kerjasama orang ramai untuk memaklumkan kepada MPSJ sekiranya terdapat kegagalan di dalam perkhidmatan kutipan sampah melalui talian hotline MPSJ di talian 03-5637 6545

Seterusnya, berhubung kesesakan kaunter pembaharuan lesen perniagaan di Ibu pejabat MPSJ. Sempena musim pembaharuan lesen, ingin dimaklumkan bahawa MPSJ telah mengambil inisiatif membenarkan pembaharuan lesen dilaksanakan bermula bulan November 2011 dan hebahan menerusi media cetak, elektronik, *billboard* laman web dan juga kain-kain rentang, MPSJ telah pun melaksanakan sejak Oktober 2011 yang lalu. Namun bilangan peniaga yang memperbaharui lesen mereka di peringkat awal amatlah kurang. Sikap para peniaga yang suka membuat pembaharuan di saat-saat akhir menyebabkan kesesakan di kaunter dan peniaga terpaksa menunggu lama untuk membuat pembaharuan lesen. Sebagai makluman, pihak Majlis telah menyediakan pelbagai saluran alternatif untuk para peniaga membuat pembaharuan lesen perniagaan iaitu pembaharuan lesen secara *online* bagi lesen tidak berisiko, pembukaan kaunter bergerak di pasar pagi dan pasar malam sejak November 2011, pembayaran kaunter di cawangan Seri Kembangan dan Bandar Puteri Puchong serta penyediaan kiosk bayaran telah disediakan bagi tujuan tersebut untuk memberi kemudahan kepada pemilik perniagaan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
e-mail : pro@kpkt.gov.my

